



Rujukan :Prk.Tr.610-3/1 (66)

Tarikh :30 Mac 2026

Pengurus

Bubbles Turtle Conservation PLT

N0.546A, Jalan Kubur Batu 8 Seberang Kastam

22300 Kuala Besut

Terengganu.

Tuan,

**PERMIT KEBENARAN BAGI MENJALANKAN PROGRAM KESEDARAN AWAM  
PENYU DI TANJUNG TUKAS, PULAU PERHENTIAN BAGI TAHUN 2026.**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perikanan Negeri Terengganu bersetuju dan memberi kelulusan kepada penama di atas untuk menjalankan program kesedaran awam penyu di Tanjung Tukas, Pulau Perhentian. Tempoh sahlaku kelulusan ini adalah sehingga 31 Disember 2026. Namun begitu pihak Bubbles Turtle Conservation perlu mematuhi beberapa perkara berikut:

- i. Pihak Bubbles Turtle Conservation perlu mematuhi segala syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Negeri Terengganu dan Kerajaan Negeri dari masa ke semasa.
- ii. Pihak jabatan hanya membenarkan pihak Bubbles Turtle Conservation menjalankan aktiviti pelepasan anak penyu di Pantai Tanjung Tukas, Pulau Perhentian sahaja.
- iii. Pihak Bubbles Turtle Conservation **hendaklah** menghantar laporan data program yang dijalankan kepada Jabatan Perikanan Negeri Terengganu setiap setiap tiga bulan atau bila-bila masa diperlukan.
- iv. Pihak Bubbles Turtle Conservation perlu menghantar data bulanan pengunjung setiap 3 bulan sekali atau bila-bila masa diperlukan kepada Jabatan Perikanan Negeri Terengganu

- v. Pihak jabatan juga memberikan kebenaran kepada Pihak Bubbles Turtle Conservation untuk menggunakan spesimen penyu termasuk terbitannya bagi tujuan pendidikan dan memberi kesedaran berkaitan pemuliharaan penyu sahaja sepertimana tertakluk dalam Enakmen Penyu Terengganu 1951.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(PANG ANAK NYUKANG)**  
Pengarah Perikanan Negeri  
**TERENGGANU**

s.k :

- i. Ketua Pusat Konservasi Dan Penerangan Penyu Rantau Abang.